



# Wadah Bahasa dan Sastera

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK



Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor WBS** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **idzam@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

## Labirin dunia jenayah

### Bimbingan Cerpen

ROSLAN JOMEL

"Setiap karya, perlu ada pernyataan." (Dipetik dari buku *Pemberontak Filem*, terbitan Rabak-Lit, 2019). Demikian kata Nasir Jani, pengarah drama dan filem serta penulis lirik lagu kontroversial negara. "*Pernyataan*" yang dimaksudkan oleh individu yang berjiwa pemberontak itu menjuruskan kepada idealisme, semangat dalam bersikap dan hala tuju seseorang pengkarya itu dalam kerjanya. Tiada gunanya menghasilkan karya-karya yang sekadar indah, menarik dan unik pada lapisan permukaan, namun kosong dari sudut pemikiran dan wawasannya. Para penulis generasi baharu wajar mengisi aspek-aspek sebegini dalam naskhah agar kehadiran mereka dan karya yang dihasilkan bermanfaat kepada pembaca.

Cerpen yang dipilih pada kali ini bertajuk *Pengadilan Yang Tertunda*. Ditulis dengan penuh ghairah oleh Nurul Iffah Afiah Binti Kamis. Idea dan gagasan dalam cerpen itu menarik kerana pengarangnya menyedari betapa manusia-manusia sekarang telah benar-benar menghadapi krisis moral. Sukar untuk menduga hati manusia. Di depan berlagak baik, sedangkan di belakang menancap pisau ke tubuh kawan sendiri. Hal demikianlah diungkapkan oleh pengarang dalam cerpen yang cuba merungkaikan permainan licik manusia-manusia dengan aksi penyiasatan. Sebagaimana filem-filem genre *noir*, cerpen tersebut menimbulkan

kesan yang mengujakan. Cita rasa manusia dahulu sehingga kini, memang tidak berubah. Mementingkan diri sendiri dan mengabaikan tanggungjawab dan integriti dalam menjalankan tugas.

"Orang baik tidak perlu hukum untuk memberitahu mereka agar bertindak secara bertanggungjawab, sementara orang jahat akan menemukan jalan di sekitar undang-undang," demikian kata-kata ahli falsafah, Plato.

Pembaca yang memiliki daya resepsi tinggi sudah tentu dapat menangkap tema cerita dengan bersandarkan pada tajuknya sahaja. Bunyinya ternyata pesimis. Adakah keadilan tidak berpihak kepada watak utama? Adakah bukti-bukti yang dijadikan sokongan fakta kepada watak utama masih lemah dan menimbulkan kemusykilan kepada Hakim? Adakah proses penghakiman berjalan dengan telus? Inilah beban dipikul oleh Farith, selaku peran utama, yang bertekad untuk menjadi peguam demi membela kematian ayahnya, Encik Raihan pada sepuluh tahun lalu. Farith merasakan bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas ayahnya sebagai tidak adil dan misteri. Oleh itu, Farith berazam untuk meraih kemenangan pada sesi pembicaraan kedua nanti. Dia perlu mendaki sebuah gunung yang tinggi sebelum melunaskan tekadnya. Farith perlu membongkar kes itu sehingga ke lubang cacing.

Pengarang memulakan

seperti yang disunting dan untuk cerpen 21.

MS

ku minta?" tanya

arith kita jumpa iasia, kita binia." Jawab n talian telefon

n Hisyam meruang penyiasat, lah baginya un-i maklumat yang mudian, Hisyam kan sebuah samang berdebu dari rith mengambil lalu membukarasa hairan, fisyam memberi-mpat kejadian sudah diasiat, ebarang bukti u mempertahankan-ik Raihan dari



menuntut bela tuduhan terhadap Encik Raihan. Sebaik tiba, Farith bertanya kepada kakitangan hospital tersebut mengenai kedatangan Encik Kamri ke situ. Persoalannya bila? Mengapa? Dengan

mereka berdua memperkenalkan nama kepada Encik Bakri. Belum sempat Encik Bakri memperkenalkan dirinya, Hisyam terus mengemukakan soalan, "Boleh saya tahu, sejak bila Hospi-

kau jelaskan gambar ni!" "Ya! Memang dia yang berikan hospital ini dana tapi ... kematian dia tiada kaitan dengan aku!" sahutnya.

dan seorang lagi tidak hatan kerana dikoyak, mengambil gambar itu menyimpannya di dada poket baju. Yang sudah

cerpennya dengan suatu perasaan yang disaluti rasa ketidakpuasan hati. Dendam. Di depan ibunya, Farith berjanji untuk membersihkan nama ayahnya yang dijatuhkan hukuman gantung sampai mati atas tuduhan menyebabkan kematian seorang ahli politik. Bernama Encik Kamri. Ini sebuah drama penyiasatan berprofil tinggi. Maklum sahaja, kes itu melibatkan seorang individu yang berkerjaya sebagai ahli politik. Suatu jenis pekerjaan yang sering memancing tumpuan media massa dan masyarakat awam. Sebarang insiden yang menimpa ke atas ahli politik sudah pasti bakal menggegarkan kedudukan sesebuah parti politik. Pengarang muda ini benar-benar berjiwa pemberani apabila mengangkat cerita sebegini. Tetapi adakah penulisannya berjaya membangkitkan minat pembaca?

"Ibu, Farith janji akan

menuntut bela kematian ayahnya." Dimaklumkan juga bahawa karakter Encik Kamri itu seorang yang tamak dan menggilai publisiti murahan. Dalam politik, publisiti memang perlu diperolehi walau dengan apa cara sekali pun. Barangkali tindakan sebegini untuk menguatkan imej Encik Kamri sebagai politikus berpengaruh di mata masyarakat. Itu perkara lazim dalam kancah siasah di mana-mana pun. Namun plot diharungi oleh Farith sebagai seorang peguam ternyata tidak semudah apa yang dijangka. Dia akan melalui sebuah lingkaran kejahatan dan pengkhianatan dunia jenayah kolar putih. Sahabat yang diharapkan untuk membantu misi dendam, rupa-rupanya mempunyai niat tersembunyi. Farith perlu lebih berwaspada. Dia bukan hanya menentang individu biasa, tetapi sebuah persepakatan sulit.

Setelah gagal dalam cubaan pertama di mahkamah, kerana tidak cukup untuk memperkukuhkan hujah, Farith berikhtiar buat kali kedua. Farith dan rakannya, Hisyam belum lagi mahu mengibarkan bendera putih. "Mereka berdua tahu bukan mudah untuk mencari bukti kerana mereka dapat menghapuskan bukti sekelip mata sahaja menggunakan wang." Petikan itu merupakan campur tangan daripada pengarangnya sendiri. Secara tidak langsung untuk menggambarkan ada perkara lain yang dilakukan ketika proses pembicaraan selain daripada mengemukakan hujah dan bukti. Dan pada bahagian itu, Farith disingkapkan bahawa dunia ini sememangnya dipenuhi oleh manusia-manusia munafik dan bertalam dua muka.

Namun tujuan Farith untuk bermalam di rumah Hisyam, bukan saja-saja

untuk menumpang tidur. Dia menaruh syak wasangka terhadap tingkah laku detektif itu.

Sebagai pengarang kreatif, Nurul Iffah Afiah mempunyai kecenderungan untuk menambahkan kesan dramatik dan saspens sebagai daya tarikan kepada pembaca. Siapa menyangka sahabat sejak sama-sama belajar di universiti sanggup memanipulasikan hubungan akrab demi melaksanakan agenda peribadi? Tetapi begitulah hidup. Hisyam yang berkerjaya sebagai detektif merupakan anak kepada Encik Mokhtar, seorang peguam bela kepada Encik Bakri. Inilah yang dinamakan makan kawan, menikam dari belakang. Sudah tentu sahaja sebarang usaha Farith untuk membersihkan nama ayahnya pasti terhalang oleh kecurangan Hisyam. Kemuncak daripada kecurigaannya terhadap Hisyam, protagonis akhirnya menemukan bagaimana Hisyam dan ayahnya merancang untuk memastikan Farith gagal dalam kes di mahkamah nanti. Kejahatan telah tertayang di depan matanya sendiri.

Walaupun gambaran pergelutan antara mereka ditulis dengan amat sederhana, memadailah untuk menampakkan manusia-manusia sekarang semakin sukar untuk dipercayai.

"Kenapa mesti budak hincusan itu mahu membuka semula kes pembunuhan Kamri? Adakah dia ingin menuntut bela atas hukuman gantung sampai mati itu?" Demikian dialog daripada Encik Mokhtar kepada anaknya, Hisyam. Farith terkesima. Sungguh tidak disangka Hisyam sanggup memanipulasikan dirinya?

SAMBUNG HALAMAN 22